

BULETIN

INPENS INTERNATIONAL COLLEGE

Edisi 6 / 2016



www.inpens.edu.my



03-3281 2617



019-3424 111



inpens@inpens.edu.my



INPENS INTERNATIONAL COLLEGE



“

MAJLIS Konvokesyen INPENS International College kali ke-20 meraikan seramai 557 orang graduan yang menerima sijil kemahiran masing-masing. Majlis yang disempurnakan oleh Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang juga Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor telah berlangsung dengan gilang gemilang di Auditorium, Dewan Jubli Perak, Shah Alam, Selangor pada 20 September 2016 yang lalu.”

... Berita lanjut di laman 3, 4 & 5 ...

”

Menarik Di Dalam!

6&7 MoU
INPENS - Industri

MoU INPENS-Industri 2016: Satu Transformasi Memperkasa INPENS!

8&9 Fiesta
INPENS 2016

Mengangkat martabat pendidikan kemahiran melalui pelbagai aktiviti dan pertandingan inovasi!

13 Program
Graduan Idaman
Majikan

Y.Bhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah bin Kamsah (DMFK) berkongsi tips-tips bagaimana menjadi Graduan Idaman Majikan (GIM) kepada lebih 300 orang pelajar INPENS.

Cemerlang Bersama INPENS

sidang redaksi

Penaung

Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman

Penasihat

Encik Jefri bin Mejan

Ketua Editor

Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah

Penolong Ketua Editor

Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni

Pereka Grafik

Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

Wartawan

Solihah binti Yaakob

Zawiah binti Abdullah

Siti Rahimah binti Mohamad Noor

Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin

Siti Nurliyana Irdina binti Zakaria

Jurugambar

Bahagian Komunikasi & Korporat

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Pembantu Redaksi

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS

Nur Syaza Hanifah binti Samudi

Nur Diyana binti Mohd Fadil

Nur Khalijah binti Norain

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-6 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel / rencana / berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

KETUA EDITOR

INPENS International College,
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3281 2617 / 19 / 20

Faks : 03-3281 2625 / 27

Email : adninsyamil@yahoo.com

© Hak Cipta terpelihara INPENS International College. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian dari mana-mana halaman buletin ini tanpa kebenaran bertulis daripada pihak INPENS International College.



tinta ketua editor

Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Kemahiran...

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan kepada Allah S.W.T. yang telah memberikan izin dan reda-Nya kepada kami di Sidang Redaksi untuk membereskan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-6.

Tahun 2016 merupakan tahun keenam saya berkhidmat di INPENS, saya bermula sebagai Pensyarah Bahasa Inggeris pada tahun 2011 dan kemudiannya beralih kepada portfolio Eksekutif Komunikasi Korporat pada tahun 2014. Faktor peralihan ini bukanlah kerana saya tidak lagi mencintai bidang pendidikan tetapi saya lebih gemarkan cabaran di dalam kerjaya yang saya ceburi. Sepanjang enam tahun ini juga, saya semakin mengerti bahawa pendidikan kemahiran adalah sama pentingnya dengan pendidikan akademik. Dalam usaha menjadi negara maju berpendapatan tinggi, saya dengan tegasnya mahukan perubahan di dalam perspektif pendidikan negara dengan menuntut agar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education Training – TVET) diberikan perhatian sewajarnya oleh Kementerian yang berkaitan. Saya juga mulai percaya, pendidikan kemahiran bukanlah 'pilihan kedua' sebaliknya pendidikan kemahiran adalah 'pilihan bidang pendidikan' bagi mana-mana individu. Mentaliti bidang kemahiran adalah untuk mereka yang keciciran akademik perlulah dilontar jauh-jauh mulai saat ini.

Buletin INPENS Edisi ke-6 ini akan memaparkan coretan memori bagi program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlaku di sepanjang 2016. Edisi kali ini akan memaparkan cebisan kenangan majlis bersejarah kolej ini iaitu Majlis Konvokesyen INPENS ke-20 yang berlangsung pada September 2016 yang lalu. Turut diselitkan rangkuman berita Fiesta INPENS 2016 yang berlangsung selama dua hari pada 2 & 3 Disember 2016 yang lalu. Banyak foto-foto menarik dan beremosi yang berjaya dirakamkan untuk dikongsikan di dalam buletin ini. Sebelum meletakkan tinta ini, saya mendoakan agar kita semua terus gigih untuk menjadi insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

"...Kerajaan Negeri Selangor melalui INPENS akan melahirkan ramai tenaga mahir yang berkualiti, berintegriti dan mampu bersaing di arena serantau mahupun arena global..."

Dari Kamar Ketua Eksekutif

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan keizinan-Nya dapat kita bersua sekali lagi di dalam bingkisan bagi Buletin INPENS edisi ke-6 tahun 2016 ini. Saya mendoakan agar semua warga INPENS dan para pembaca buletin ini dikurniakan kesihatan yang baik dan ceria-ceria selalu.

INPENS sebagai sebuah institusi pendidikan yang dinaungi oleh Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan komitmen memberdayakan bidang kemahiran demi memajukan lagi negeri yang kita sayangi ini. Bidang-bidang kemahiran yang ditawarkan di INPENS juga merupakan bidang-bidang berimpak tinggi yang dapat mempersiapkan generasi muda agar berketerampilan dan 'multi-tasking' bagi menghadapi cabaran futuristik. Adalah menjadi harapan kita bersama, Kerajaan Negeri Selangor melalui INPENS akan melahirkan ramai tenaga mahir yang berkualiti, berintegriti dan mampu bersaing di arena serantau mahupun arena global. Begitulah azam yang telah saya tanam sejak diberikan mandat menerajui institusi ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan dan peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-6 kerana terus produktif dan inovatif dalam usaha memperkenalkan INPENS melalui penerbitan Buletin INPENS. Sebagai penutup mukadimah ini, saya mendoakan agar kita khususnya warga INPENS dikurniakan kesejahteraan berpanjangan bagi meneruskan cita-cita memperkasa pendidikan kemahiran demi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berkarakter.

"Cemerlang Bersama INPENS"

Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman
Pemangku Ketua Eksekutif INPENS



Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman

FOKUS

Meraikan
Kecemerlangan di

Majlis Konvokesyen INPENS Kali Ke

20

TARIKH:
20 Sept. 2016

TEMPAT:
Auditorium, Dewan Jubli
Perak, Shah Alam,
Selangor

**JUMLAH
GRADUAN :**
557 Orang

DISEMPURNAKAN OLEH :
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(Exco Pendidikan, Pembangunan
Modal Insan, Sains, Teknologi
& Inovasi Negeri Selangor)

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

Anugerah Khas Dato' Menteri Besar Selangor
Mohd Shafawi bin Zainuddin – *Dandan Rambut*

Anugerah Exco Pendidikan Negeri Selangor
Nurul Athilah binti Mokhtar – *Operasi Sistem Komputer*


Anugerah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Muhammad Zulzafrie bin Jais – *Pendandan Rambut*
Siti Nur Shazwani binti Kahar – *Pembuatan Pakaian Wanita*

Anugerah Semangat Jati Diri
Nurazizah binti Musdar – *Perkhidmatan Estetik*
Veenes a/l Gunasegaran – *Servis & Penyelenggaraan Motosikal*

Anugerah Kepimpinan
Muhammad Shahrul Amri bin Muhammad Nazri – *Automotif (Servis Selepas Jualan)*

Anugerah Presiden
Muhammad Khairifdi bin Ghazali – *Dandan Rambut*
Yuhaneswary a/l Jaya Kumaran – *Perkhidmatan Terapi Estetik*
Muhammad Affendy bin Abdul Wahid – *Operasi Sistem Komputer*
Zainorariff bin Zainuddin – *Pendawai Tiga Fasa Dengan Endorsan Pengujian (PW4)*
Nurul Rohaidah binti Kamis – *Pembuatan Pakaian Wanita*
Akmal Zainulariffin bin Mohamad Rashidi – *Juruteknik Elektronik Industri (Peralatan)*
Mohammad Nazreen bin Nasiruddin – *Automotif (Servis Selepas Jualan)*
Ahmad Nor Radzihan bin Abdul Razak – *Mekanik Penyelujukbekuan & Penyamanan Udara (Domestik)*
Amir Ridzwan bin Anuar – *Servis & Penyelenggaraan Motosikal*

**TAHNIAH
KEPADA
GRADUAN**



LENSA KONVOKESYEN





MoU INPENS-Industri 2016: Satu Transformasi Memperkasa INPENS!

DIRASMIKAN OLEH:

Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman
(Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin &
Pekerja Ladang Negeri Selangor)



PADA TARIKH
18 Mac 2016



SENARAI INDUSTRI :

OBJEKTIF MoU
INPENS-INDUSTRI 2016:

1. Menjalinkan hubungan untuk berkerjasama berkongsi pengetahuan berkaitan dan membekalkan tenaga mahir di dalam pelbagai bidang kemahiran.
2. Menyediakan peluang latihan intensif dan seterusnya memberikan peluang kerjaya kepada pelajar INPENS yang berpotensi.



1. Salikin Sidek – Bidang Fesyen & Jahitan
2. Seri's Spa – Bidang Kecantikan & Dandanaran Rambut
3. Semarak Motivasi – Bidang Elektrik, Elektronik & Penyaman Udara
4. Sri Sinar Collection – Bidang Fesyen & Jahitan
5. Temasya Glenmarie Autocare – Bidang Automotif
6. Jefri Motor – Bidang Motosikal
7. Comres Computer – Bidang Sistem Komputer



DIRASMIKAN OLEH

**Y.B. Tuan Ganabatirau
A/L Veraman**
(Exco Kemiskinan, Kerajaan
Prihatin & Pekerja Ladang
Negeri Selangor)

KERJASAMA

**Unit Perancang Ekonomi
Negeri Selangor (UPEN)
– Seksyen Sektor**

TARIKH

2 & 3
Disember 2016

Fiesta INPENS 2016

*“Generasi Selangor,
Generasi Berkemahiran”*

SENARAI PEMENANG FIESTA INPENS 2016

PERTANDINGAN INOVASI & REKACIPTA BAHAN TERPAKAI:

1. Portable Water Supply
– Sektor Elektrik
2. Smart Generator Trolley
– Sektor Kejuruteraan Automotif
3. Outdoor Lifter
– Sektor Penyaman Udara

PAMERAN SEKTOR KEMAHIRAN TERBAIK

1. Sektor Automotif
2. Sektor Rekaan Rambut
& Kecantikan
3. Sektor Elektronik

FOTOGRAFI:

1. Mohd Nazry bin Noor Sharif
2. Abdul Rahman
bin Baharuddin
3. Nur Azmina Haziqah
binti Rasudin



15 yang Menarik di Fiesta INPENS 2016



1. Sebanyak 29 penyertaan telah diterima bagi Pertandingan Inovasi dan Rekreasi Bahan Terpakai. Juri juga mengatakan sukar membuat penilaian kerana semuanya kompetitif belaka.
2. Pameran Sektor Kemahiran bukan sahaja menyediakan maklumat pendidikan kemahiran, banyak juga aktiviti dan pertandingan diadakan bagi menarik kehadiran pengunjung ke booth masing-masing.
3. Selain pertandingan inovasi untuk warga INPENS, pertandingan untuk pengunjung juga diadakan seperti pertandingan memasak, pertandingan kostum kanak-kanak dan pertandingan mewarna. Hadiah yang ditawarkan sangat lumayan!
4. Pada hari pertama Fiesta, ramai artis membuat persembahan antaranya Arja Lee, Aweera, Nabila Razali (AF), Ayu One in a Million dan Raqib (AF). Baru kami tahu Arja Lee sebenarnya boleh menyanyi dengan sangat baik.
5. Hari kedua Fiesta diserikan pula dengan kehadiran pelawak terkenal iaitu Sathya sebagai pengacara bersama, memang sungguh lucu!
6. Artis yang membuat persembahan pada hari kedua ialah Aniss Anissa, Dior dan Akma (AF). Memang riuh rendah dan meriah apabila lagu 'Perawan atau Janda' didendangkan oleh Aniss Anissa!
7. Sebagai selingan, Kuiz Santai yang dihoskan Rusman Hussin turut menarik perhatian pengunjung Fiesta. Banyak juga jawapan lucu yang diberikan.
8. Program Job Fair iaitu program temuduga terbuka turut diadakan pada 3 Disember dengan menawarkan lebih 500 jawatan kosong daripada 28 buah syarikat yang menyertai program ini.
9. Pada majlis perasmian, Program Jejak Alumni INPENS (ProJAI) turut dilancarkan. ProJAI 2017 menyasarkan untuk menjejak lebih 300 alumni INPENS yang telah tamat pengajian.
10. Pertandingan Kostum Kanak-Kanak dengan tema 'Cita-Cita ku' menarik lebih 20 penyertaan kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun. Semuanya memang comel dengan kostum masing-masing.
11. Aktiviti Soopa Doopa, paint ball (target shooting), memanah dan berkuda turut diselitkan untuk memeriahkan Fiesta INPENS 2016. Semuanya percuma!
12. Pameran Haiwan Eksotik turut diadakan, antara haiwan yang ada ialah ular sawa albino, pelbagai spesies ular berbisa, iguana dan landak. Pengunjung yang ingin bergambar dengan haiwan-haiwan ini hanya perlu membayar RM5 sahaja.
13. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) turut bermurah hati menyediakan buah-buahan secara percuma kepada pengunjung. Nangka, belimbing dan kelapa pandan antara buah-buahan yang boleh dinikmati semua pengunjung.
14. Lebih 2,500 orang pengunjung telah hadir di Fiesta INPENS 2016. Sebanyak 100 unit hadiah disediakan untuk para pengunjung yang bertuah!
15. Banyak agensi turut terlibat dalam aktiviti pameran seperti PDRM, Bomba, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor, Rela, Unisel, KUIS, JPK, CIAST dan PTPK.

INKUBATOR SMARTSELANGOR

INKUBATOR MERU

No. 10, Bazar Asy Syariff,
Batu 6½ Pekan Meru,
41050 Klang,
Selangor.

Perkhidmatan:
Pemasangan &
Servis Penyaman
Udara



INKUBATOR BATANG KALI

No 8 Jalan
Mahogani 7/4,
Seksyen 5, Bandar Baru
Batang Kali
44300 Batang Kali,
Selangor.

Perkhidmatan:
Servis &
penyelenggaraan
motosikal.



INKUBATOR SIJANGKANG

No. 1, Jalan Duku 2,
Taman Seri Medan,
42500 Telok
Panglima Garang,
Selangor.

Perkhidmatan:
Kecantikan
Dandanan Rambut
Jahitan



KURSUS JANGKA SEDERHANA DANDANAN RAMBUT

Objektif Kursus:

Melatih peserta di dalam bidang kemahiran dandanan rambut sebagai persediaan membuka perniagaan di kawasan kediaman masing-masing.

Dirasmikan oleh:
Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi
(Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi)

Pembimbing Kursus:
En. Mohamad Idris bin Kassim

Jumlah Peserta:
15 orang



KURSUS SEMBELIHAN UNTUK WARGA INPENS

Satu Kursus Sembelihan anjuran Pejabat Agama Islam Kuala Selangor (PAIDKS) telah memberi peluang kepada seluruh warga INPENS untuk mempelajari ilmu sembelihan haiwan ternakan. Kursus teori dan amali untuk sembelihan ini telah diadakan pada 16 Mei 2016 yang lalu bertempat di Auditorium INPENS. Selain 100 ekor ayam, turut disembelih pada hari tersebut ialah seekor kambing biri-biri. Warga INPENS dan kakitangan PAIDKS turut bergotong-royong menyediakan jamuan tengahari iaitu ayam bakar dan kari kambing setelah berpenat lelah menyempurnakan sembelihan masing-masing.



PROGRAM RAYA KORBAN INPENS 2016

Rentetan daripada Kursus Sembelihan yang telah dipelajari oleh warga INPENS pada Mei lalu, INPENS dengan jayanya telah menganjurkan Program Raya Korban INPENS pada 14 September 2016 bersamaan 12 Zulhijjah 1437H. Pada program berkenaan, warga INPENS telah bergotong royong menyembelih tiga ekor lembu dan melapah daging untuk diagihkan kepada seluruh warga INPENS serta penduduk berdekatan. Warga INPENS juga tidak ketinggalan menyediakan juadah tengahari bersama-sama yang menghidangkan sup daging, daging goreng dan air asam. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pemangku Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman yang turut sama-sama turun padang melakukan kerja-kerja sembelihan dan melapah.



SAMBUTAN AIDILFITRI INPENS 2016

Pada tahun ini Warga INPENS dapat bersama-sama menyambut Aidilfitri yang turut diserikan dengan kehadiran beberapa selebriti jemputan. Sambutan Aidilfitri ini telah diadakan pada 28 Julai 2016 bersamaan 23 Syawal 1437H bertempat di Hangar INPENS. Selebriti yang hadir pada majlis berkenaan ialah Arja Lee, Hafrez Adam dan Helmi Yusof yang menjayakan 'Bual Bicara Santai' dengan isu berkaitan viral media sosial. Setiap jabatan di INPENS juga diminta menyediakan juadah masing-masing untuk dihidangkan kepada semua warga INPENS serta jemputan yang hadir. Majlis sambutan Aidilfitri ini mendapat kerjasama daripada Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (Unit Pendidikan Tinggi) Kerajaan Negeri Selangor.



HARI SUKAN INPENS



Hari Sukan INPENS telah diadakan pada 6 Oktober 2016 yang lalu dengan kerjasama daripada Pejabat Belia Daerah Kuala Selangor. Hari Sukan ini telah diadakan bagi menyokong usaha Hari Sukan Negara yang disambut pada setiap Sabtu pertama pada Bulan Oktober. Pelbagai acara sukan telah diadakan seperti memanah, zumba, bola tampar, futsal padang, badminton, bola jaring dan tarik tali. Turut diadakan Klinik Dodgeball oleh pemain-pemain dodgeball negara. Klinik ini bertujuan memberi pendedahan berkaitan sukan ini yang masih sedikit asing kepada masyarakat di negara ini. Peserta klinik juga turut berpeluang bermain bersama pemain-pemain negara dalam acara sukan dodgeball yang diadakan di Dewan Melati.

PROGRAM GRADUAN IDAMAN MAJIKAN OLEH DMFK

Seramai hampir 300 orang pelajar yang menerima pembiayaan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) tahun 2016 telah diberi peluang mengikuti Program Graduan Idaman Majikan yang disampaikan oleh motivator terkenal iaitu Y.Bhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah bin Kamsah (DMFK) pada 1 dan 8 Disember 2016 yang lalu. Program ini memberikan tips-tips bagaimana menjadi graduan yang diidamkan majikan sekaligus bergelar pekerja cemerlang. Turut diselitkan di dalam modul program ini adalah tatacara menghadiri temuduga serta kaedah penulisan resümè yang berkesan.



INPENS & AGENSI

Lawatan daripada
MENTERI BESAR
INCORPORATED (MBI)

Tarikh : 21 April 2016



Lawatan daripada PERHEBAT

Tarikh : 9 Ogos 2016



Lawatan daripada PERODUA Manufacturing Sdn. Bhd.

Tarikh : 22 September 2016



PERODUA



Lawatan daripada Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)

Tarikh : 10 Oktober 2016



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية لسelangor
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

1 Baktisiswa Sek. Keb. Bukit Badong, 21 - 23 Mac 2016

Kerjasama : PIBG Sek. Keb. Bukit Badong, Bestari Jaya, Selangor.
Misi : Memasang pendawaian elektrik di bilik darjah dan menyelenggara alat penyaman udara di bilik guru.



2

Baktisiswa Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) Kuala Langat, 28 - 29 Oktober 2016

Kerjasama : Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi.

Misi : Menukar minyak hitam motosikal, gunting rambut lelaki dan wanita, rawatan muka dan refleksologi.



01



YAP HEE LOONG

KURSUS : SERVIS & PENYELENGGARAAN MOTORSIKAL
GRADUASI : JANUARI 2010
KERJAYA : PEMILIK YS HENG MOTOR
ALAMAT KEDAI : NO 35, JALAN PERLING2, TAMAN PANTAI
SEPANG PUTRA 43950 SUNGAI PELEK,
SELANGOR DARUL EHSAN

MUHAMMAD ZULZAFRIE BIN JAIS

KURSUS : DANDANAN RAMBUT
GRADUASI : OGOS 2014
KERJAYA : PEMILIK STYLE CUTZ
BARBER SHOP



02

03



SHIRLEY TEH

KURSUS : KECANTIKAN/ESTETIK
GRADUASI : JANUARI 2013
KERJAYA : KONSULTAN KECANTIKAN DI
SHISEIDO, SETIA ALAM MALL